

SUB TEMA:
PERANAN PEMIMPIN DALAM MENYEDIAKAN PENDIDIKAN ABAD KE-21

TAJUK KERTAS KAJIAN:
**GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DALAM MENJAYAKAN PENYEDIAAN PENDIDIKAN
ABAD KE-21**

ABSTRAK

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu pelan transformasi pendidikan ke arah menyediakan pendidikan abad ke-21. Pendidikan merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang bertindak sebagai pengupaya kepada kemajuan intelektual dan insaniah secara seiringan ke arah meletakkan Malaysia sebaris negara maju yang lain dalam abad ke 21 ini. Dalam kerancangan Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan transformasi, perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah sejauh mana kesedaran pemimpin sekolah dalam menyediakan pendidikan abad ke-21 agar transformasi pendidikan negara dapat dicapai dengan jayanya. Gaya kepimpinan pengetua juga sedikit sebanyak mempengaruhi kejayaan penyediaan pendidikan abad ke 21. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kesedaran dan pengetahuan pemimpin sekolah sebagai agen perubahan dalam menyediakan pendidikan abad ke 21. Kerangka kajian adalah berasaskan gaya kepimpinan instruksional Model Hallinger dan Murphy (1985). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian yang melibatkan responden yang terdiri daripada pemimpin di dua buah sekolah menengah yang setara dari segi band sekolah dan demografi

SINOPSIS

Kajian ini lebih tertumpu kepada gaya kepimpinan instruksional pengetua sekolah dalam menyediakan pendidikan abad ke 21 yang dijayakan oleh golongan pelaksana kepada golongan sasaran. Pengaruh kepimpinan instruksional pengetua dalam konteks ini melibatkan proses kepimpinan pada tahap sekolah yang berlaku dalam pelbagai arah; ke arah atas dari guru kepada pentadbir; ke arah bawah dari pentadbir kepada guru; dan secara mendatar dalam kalangan guru, ibu bapa dan lain-lain agen yang berurusan secara langsung dan tidak langsung dengan sekolah (Abd Ghani, Aziah, Tan, 2008). Kajian akan merumuskan dapatan yang meliputi semua domain yang berkaitan dan mengutarakan beberapa cadangan yang akan merancakkan lagi transformasi pendidikan negara.

This research focuses on instructional leadership of head teachers in enabling 21st century education for the target groups. Instructional leadership of the head teachers in this context involves the multi-directional leadership at school levels; bottom-up - from teachers to administrators, top-down - from administrators to teachers, and horizontal - among teachers, parents and stakeholders in education, whom have direct and indirect interest with schools (Abd Ghani, Aziah, Tan, 2008). This research will also summarize the findings which cover the related domains and put forth recommendations for the improvement and to boost the national education transformation.

PENGENALAN

Dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, bidang pendidikan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor penentu kejayaan (*critical success factor*) utama. Oleh yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan sentiasa merangka, merancang dan melakukan penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia. Antara langkah yang diambil termasuklah memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2006-2010) dan yang terkini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kedua-dua pelan pembangunan ini dirancang untuk melonjakkan lagi mutu pendidikan di Malaysia agar sejajar dengan kehendak global iaitu menghasilkan sumber manusia yang berdaya saing dan mempunyai nilai pasaran yang tinggi.

Beberapa langkah penambahbaikan telah dilakukan terhadap PPIP melalui Persidangan Kajian Semula PIPP anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diadakan pada 19-22 Julai 2009. Tujuan utama persidangan ini adalah untuk mengenal pasti kesesuaian strategi pelaksanaan, pelan tindakan, aktiviti, indikator dan jangka masa yang ditetapkan sama ada perlu dikekalkan, dipinda atau digugurkan berdasarkan perkembangan dasar-dasar baru kerajaan.

Sebagai kesinambungan PIPP ini, kerajaan juga telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM 2013-2025 sebagai penambahbaikan dan pada masa sama memperkenalkan beberapa pendekatan baru yang menjurus kepada transformasi pendidikan negara. Oleh yang demikian, antara fokus utama PPPM ini adalah untuk melaksanakan transformasi pendidikan negara untuk 15 tahun akan datang. Transformasi pendidikan ini bermatlamat melengkapkan setiap murid di negara ini dengan segala kemahiran baharu yang diperlukan oleh mereka untuk merebut peluang dan cabaran abad ke 21 (Muhyidin 2013, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025).

Untuk bersaing dengan negara termaju dunia adalah penting untuk Malaysia menyediakan pendidikan berkualiti yang mampu menghasilkan pelajar bertaraf dunia dan mempunyai kemahiran-kemahiran kritikal abad ke 21. Justeru, KPM juga akan menyemak semula kurikulum pendidikan untuk menerap dan membangunkan kemahiran abad ke 21 seperti berfikir kritis dan kreatif, serta menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang (Muhyidin 2013 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025).

Kerajaan juga sedang berusaha menaik taraf kemudahan pendidikan yang meliputi pembinaan infrastruktur bangunan dan penyediaan bilik-bilik khas bagi mengupayakan sistem pembelajaran ke arah pendidikan abad ke 21. Kelengkapan bilik pandang dengar, makmal komputer dan bengkel kemahiran dibina agar dapat menyokong pembelajaran berteraskan sumber dan membolehkan pelajar mempunyai akses pembelajaran sendiri. Anna Kristin & Torfi (2011) dalam kajiannya berkenaan reka bentuk bangunan sekolah ke arah pendidikan abad ke 21 telah mendapati reka bentuk bangunan sekolah dan susun atur kelas mempengaruhi pembelajaran murid secara individu dan berkumpulan dan bagaimana penggunaan sumber pembelajaran dapat dioptimumkan. Oleh yang demikian, kerajaan melalui KPM telah mula menggunakan reka bentuk bangunan yang baru dan susun atur bilik darjah yang dapat mengoptimumkan proses pembelajaran pada masa kini dan sebagai persediaan ke arah pendidikan abad ke 21. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan ini sedikit sebanyak akan membantu pihak sekolah merancang pelaksanaan pendidikan berkualiti dan menjurus ke arah pendidikan abad ke 21.

PENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Perubahan dalam sistem pendidikan yang menjurus ke arah pendidikan abad ke 21 ini berkait rapat dengan kesediaan sekolah sebagai wahana dan platform penggerak kejayaannya. Oleh yang demikian, pengetua sebagai pemimpin sekolah perlulah mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang pendidikan abad ke 21. Dalam paradigma sistem pengajaran tradisional (*traditional instructional system paradigms*), objektif asas pembelajaran memfokuskan kepada bagaimana pengetahuan yang dipelajari dapat digunakan untuk menghasilkan sesuatu yang dapat dilihat secara eksplisit. Pembelajaran dikatakan berlaku selagi pelajar dapat menghasilkan semula pengetahuan yang diperolehi daripada proses pembelajaran (Collins, 2006; Jonassen & Rohrer-Murphy, 1999; Karagiorgi & Symeou, 2005; Sadler, 1989; Vrasidas, 2000) dalam Shu Shing-Lee & David Hung (2012). Manakala bagi pembelajaran ke arah abad ke 21 pula, penyelidik-penyelidik berpendapat terdapat lima isu yang perlu diberi perhatian dalam menentukan jenis pengetahuan dan kemahiran yang boleh memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar pada masa hadapan.

1. Pelajar yang memperoleh pendidikan yang lebih tinggi mempunyai kelebihan dari segi mendapat peluang pekerjaan,

2. Keperluan terhadap pembelajaran dan kemahiran secara tradisional seperti pembelajaran mata pelajaran matematik, sains dan bahasa tidak disertakan dengan kemahiran-kemahiran baharu,
3. Untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan, pelajar perlu tahu bagaimana mengaplikasikan apa yang telah dipelajari untuk menghadapi cabaran sebenar kehidupan, bukan hanya menulis semula apa yang telah dipelajari dalam kelas ke kertas ujian,
4. Pelajar yang berupaya membangunkan kecekapan yang diperlukan iaitu mampu berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan berkolaborasi, menghasilkan produk dan proses baharu, dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan mempunyai kelebihan dalam kerjaya dan kehidupan, dan
5. Kemahiran aplikasi dan kecekapan boleh diajar dalam konteks kurikulum; bukan sebagai pengganti atau penambahan terhadap kurikulum sedia ada, tetapi kecekapan seperti pemikiran kritis banyak bergantung kepada pengetahuan sedia ada dan tidak boleh diajar secara berasingan.

Dalam menyediakan pendidikan abad ke 21, pemimpin sekolah perlulah menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam fungsi-fungsi berikut:

1. menyelaras kurikulum,
2. mengawal waktu pembelajaran dan pengajaran,
3. mencerap dan menilai pengajaran guru,
4. mengukuhkan usaha-usaha guru dalam meningkatkan prestasi pelajar,
5. memberikan sokongan terhadap aktiviti pengajaran di sekolah,
6. menggalakkan perkembangan profesionalisme guru,
7. menguatkuasakan dasar akademik pelajar, dan
8. memberikan insentif untuk pembelajaran murid.

Kelapan-lapan fungsi ini adalah sebahagian daripada sebelas fungsi pengetua dalam gaya kepimpinan instruksional pengetua sekolah. Oleh itu, kajian ini secara umumnya ingin melihat sama ada pemimpin sekolah mempunyai pengetahuan dan kesedaran dalam penyediaan pendidikan abad ke 21 berdasarkan sebelas fungsi kepimpinan instruksional.

Selain gaya kepimpinan instruksional pengetua, kajian juga ingin melihat sekiranya gaya kepimpinan ini berlaku dalam pelbagai arah sebagaimana dinyatakan oleh Abd Ghani, Aziah, & Tan (2008) iaitu adakah berlakunya proses kepimpinan ke arah atas dari guru kepada pentadbir; ke arah bawah dari pentadbir kepada guru; dan secara mendatar dalam kalangan guru, ibu bapa dan lain-lain agen yang berurusan secara langsung dan tidak langsung dengan sekolah

KEPENTINGAN KAJIAN DAN BATASAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dapat membantu pemimpin sekolah dalam membuat persediaan ke arah pendidikan abad ke 21. Hasil kajian juga dapat digunakan sebagai rujukan pemimpin sekolah membuat perancangan strategik sekolah dan mengambil tindakan yang bersesuaian dengan visi dan misi yang telah ditetapkan. Selain itu, ia juga dapat membantu barisan kepimpinan sekolah merangka kaedah yang bersesuaian untuk menjayakan pendidikan ke arah abad ke 21.

Kajian ini merupakan kajian penerokaan dan hanya dua aspek iaitu aspek kesedaran dan aspek pengetahuan pengetua sekolah dalam menyediakan pendidikan abad ke 21 sahaja akan dikaji. Kajian ini hanya terbatas kepada gaya kepimpinan instruksional pengetua berdasarkan Model Hallinger dan Murphy (1985). Dari segi responden pula hanya pengetua, penolong kanan dan guru kanan matapelajaran dipilih kerana mereka terlibat secara langsung dalam merancang dan membuat keputusan di sekolah.

METODOLOGI DAN PERSAMPELAN

Seorang pakar psikologi George Kelly dalam Fransella (1995) menyatakan jika kita tidak dapat memahami sesuatu masalah, maka kaedah mendapatkan maklumat yang terbaik adalah dengan bertanya kepada mereka yang terlibat dalam masalah tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini kaedah yang telah digunakan adalah kaedah kualitatif. Instrumen yang dipilih dalam mendapatkan maklumat untuk kajian ini adalah melalui temu bual dengan beberapa orang pengetua, penolong kanan dan guru kanan mata pelajaran.

Satu set soalan temu bual yang berbentuk separa berstruktur disediakan. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah menjurus kepada peranan pengetua sebagai pemimpin instruksional dalam menyediakan pendidikan abad ke 21. Kaedah ini dipilih kerana ia akan memberikan maklumat yang lebih terperinci berkenaan apa yang dilakukan oleh pengetua dan pentadbir sekolah ke arah menyediakan pendidikan abad ke 21.

Memandangkan kajian ini bersifat penerokaan maka sampel yang dipilih agak kecil iaitu 2 orang pengetua, 6 orang penolong kanan dan 8 orang guru kanan mata pelajaran. Kaedah pemilihan sampel kajian adalah menggunakan pensampelan bertujuan (purposive sampling) iaitu melibatkan kumpulan kecil yang terdiri daripada mereka yang dikenal pasti mempunyai hubungan secara langsung dengan permasalahan yang dikaji. Jadual 1 menunjukkan profil responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Jawatan	Bil	Lelaki	Perempuan
Pengetua	2	2	-
Penolong Kanan	6	3	3
Guru Kanan Mata pelajaran	8	3	5

Tumpuan pemilihan sampel ialah mereka yang merangka visi dan misi sekolah, membuat perancangan induk sekolah dan melaksanakan perancangan yang telah dibuat. Selain terlibat dalam perancangan, sampel juga terlibat dalam proses pemantauan dan pelaporan bagi setiap perancangan yang dilakukan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebanyak 32 soalan telah diutarakan kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Kesemua soalan ini dirangkumkan kepada 15 bahagian yang meliputi aspek pengetahuan dan kefahaman pemimpin sekolah terhadap transformasi pendidikan dan penyediaan pendidikan abad ke 21, penentuan dan penyelarasan matlamat sekolah, pengurusan dan penyelarasan kurikulum sekolah, pengurusan masa instruksional guru, pemantauan dan pencerapan kurikulum, pengurusan kemajuan pelajar, sokongan dalam aktiviti pengajaran dan pengukuhan usaha guru, galakan perkembangan profesional guru, penguatkuasaan dasar akademik pelajar dan pemberian insentif untuk pembelajaran.

Pengetahuan dan kefahaman pemimpin sekolah terhadap transformasi pendidikan dan penyediaan pendidikan abad ke 21

Maklum balas yang diperolehi daripada responden mendapati mereka tahu dan sedar dengan transformasi yang sedang berlaku dalam sistem pendidikan kita kini yang bergerak ke arah

pendidikan bertaraf global dengan kesan penambahbaikan PIPP 2006-2010 dan pelaksanaan PPPM 2013-2025. Tambah mereka lagi, pendidikan abad ke 21 dapat memenuhi kehendak pembelajaran pada masa itu yang mana ia memberikan penekanan kepada pembelajaran, aspek kemahiran, pengetahuan dan berpusatkan murid. Kaedah pembelajaran ini membolehkan mereka menyelesaikan masalah dan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Transformasi pendidikan ini adalah selaras dengan perubahan sistem pendidikan global yang diaplikasikan oleh kebanyakan negara-negara maju. Selain itu, transformasi ini bagi menjamin kebolehpasaran pelajar-pelajar apabila berada dalam dunia pekerjaan nanti. Ini juga merupakan salah satu cabaran pihak sekolah dalam menyediakan mereka kepada dunia luar. Pelajar-pelajar harus literat dan kompeten dalam semua aspek.

Responden juga berpendapat bahawa transformasi pendidikan di Malaysia pada masa ini sudah menghampiri pendidikan global. Ini jelas kelihatan seawal pengenalan PIPP 2006-2010 dan kesinambungan PPPM 2013-2025. Hasil dapatan tinjauan PISA dan TIMSS juga menjadi pemacu kepada pelaksanaan PPPM dan 11 anjakan dalam PPPM itu sendiri jelas menunjukkan pendidikan di Malaysia sudah mengarah kepada pendidikan abad ke 21. Aspek lain yang dibuktikan dalam penyediaan pendidikan abad ke 21 adalah aspek kemenjadian pelajar dan kriteria pemilihan guru yang lebih berkualiti bagi memberikan pendidikan bertaraf global. Selain itu pelbagai program dirancang dalam penambahbaikan pemimpin sekolah telah dirancang untuk menghasilkan pemimpin pelapis pada masa hadapan.

Selain itu, sebagai seorang pemimpin di sekolah, kefahaman dan pengetahuannya dalam meneroka sesuatu bidang baru dan dalam usahanya melakukan perubahan di sekolah merupakan dua faktor kritikal untuk menjayakan sesuatu pembaharuan. Di samping keupayaannya menyampaikan maklumat tentang perubahan tersebut dapat memastikan guru-guru dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti untuk mencapai objektif perubahan tersebut. Menurut Mohd. Tahir (2006), kualiti kepimpinan pentadbir di sekolah seperti pengetua, guru besar dan penolong-penolong kanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti kerja guru dan kejayaan sesebuah sekolah.

Penentuan dan penyelarasan matlamat sekolah

Visi dan misi semua sekolah di Malaysia telah diselaraskan oleh KPM dan jelas menuju ke arah pendidikan abad ke 21. Perkara pokok yang harus diberi perhatian ialah bagaimana warga sekolah memahami, menghayati dan melaksanakan aktiviti sekolah sepertimana yang

direncanakan. Bagi menjayakan visi dan misi sekolah ini semua guru dan warga sekolah harus dilibatkan dalam semua perancangan yang dibuat oleh pihak sekolah.

Pemimpin sekolah memainkan peranan dalam menyebarkan visi dan misi sekolah kepada semua guru, kakitangan sekolah, pelajar dan ibu bapa. Penyebaran ini berlaku secara formal dan tidak formal iaitu melalui ucapan pengetua semasa perhimpunan dan mesyuarat guru dan perjumpaan bersama waris. Ada sesetengah pihak sekolah meletakkan visi dan misi sekolah ini di beberapa tempat strategik di sekitar sekolah agar dapat ditatapi oleh semua yang berkunjung ke sekolah. Penyebaran visi dan misi sekolah kepada ibu bapa bertujuan bagi membolehkan mereka memainkan peranan masing-masing apabila berada bersama anak-anak mereka di rumah. Penyebaran visi dan misi ini dibuat agar hala tuju sekolah selari dengan hasrat KPM.

Pengurusan, penyelarasan dan pemantauan kurikulum sekolah

Hasil temu bual mendapati sekolah memberi tumpuan dan keutamaan kepada aspek kemenjadian murid. Selain itu, dengan mengambil kira pendidikan abad 21 ini, pihak sekolah juga menekankan tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS) dalam kalangan guru dan murid-murid. Sebagai langkah pertama, kursus berkenaan HOTS dianjurkan bagi memberikan pendedahan kepada semua guru agar mereka dapat menggunakannya dalam pdp dalam kelas masing-masing. Pihak sekolah juga merancang beberapa program untuk murid bagi membudayakan HOTS ini kepada mereka. Tenaga kepakaran dalam melaksanakan program ini diperoleh dengan jalinan kerjasama institusi pengajian tinggi yang berdekatan.

Pengurusan, penyelarasan dan pemantauan kurikulum yang dilakukan menampakkan impak ke atas sesuatu program yang dilaksanakan kerana bagi setiap satu program yang hendak dilaksanakan, pelbagai faktor telah diambil kira dan pemantauan juga dilaksanakan sepanjang masa oleh barisan pentadbir dengan bantuan guru-guru kanan mata pelajaran.

Melalui pemantauan dan pencerapan kurikulum, pihak yang mencerap akan duduk bersama-sama semula dengan guru yang dicerap selepas pelaksanaan sesuatu proses pdp agar mereka dapat membuat penambahbaikan dalam sesi pdp yang lain. Perbincangan secara berkumpulan juga dilakukan bagi memantapkan lagi proses pdp. Sebagai contoh beberapa panitia mempunyai inisiatif menjalankan pdp secara berpasangan atau berkumpulan (*team teaching*) dan (*lesson study group*). Selain memantapkan proses pdp, pemantauan ini dilakukan bagi memastikan guru-guru mematuhi *contact hour*.

Pengurusan masa instruksional guru

Responden kajian memberikan ulasan tentang kepentingan pengurusan masa instruksional guru. Oleh itu sejak awal tahun lagi pihak sekolah telah memperingatkan guru-guru tentang tanggungjawab dan amanah mereka sebagai pendidik. Mereka perlu masuk kelas menepati masa dan memastikan masa pdp di dalam kelas digunakan sepenuhnya untuk manfaat murid.

Ketiadaan guru di bilik darjah dilihat sebagai bertentangan dengan arahan KPM melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 2/1981: Ketetapan Masa di Sekolah-Sekolah. SPI ini menjelaskan tentang keperluan guru menepati masa dalam menjalankan tanggungjawabnya di sekolah. Ketetapan masa juga bermakna seorang guru hendaklah mengikut jadual pengajarannya dan tidak boleh meninggalkan kelasnya atau kawasan sekolah sebelum masa untuk berbuat demikian. Perkara ini juga selari dengan Perkara 11, Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang menegaskan tentang kewajipan guru mengajar mengikut jadual waktu yang ditetapkan.

Selain itu pihak sekolah sentiasa memberi peringatan kepada guru tentang kepentingan menjaga masa instruksional seperti yang diarahkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri. Guru-guru juga diberi peringatan bahawa pihak sekolah diminta memberikan laporan keberadaan guru di sekolah kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah bagi setiap bulan.

Pengurusan kemajuan pelajar

Responden memberikan maklum balas yang positif tentang usaha sekolah dalam menguruskan kemajuan pelajar. Kemajuan pelajar dipantau dari semasa ke semasa dengan menggunakan pakai instrumen sedia ada seperti pencapaian (Take off Value)TOV dan (Expected Targeted Result) ETR pelajar dalam setiap peperiksaan dan ujian. Untuk tujuan ini, ada sekolah yang memanfaatkan (Information Communication Technology) ICT dalam memantau kemajuan pelajar. Pelajar dan ibu bapa juga digalakkan melayari laman web yang berkenaan untuk mengetahui perkembangan dan kemajuan akademik pelajar.

Sokongan dalam aktiviti pengajaran dan pengukuhan usaha guru

Pemimpin-pemimpin sekolah sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam aktiviti pengajaran dan pengukuhan usaha guru dalam menjalankan proses pdp. Pihak sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) memberikan sokongan moral dan ada juga dalam bentuk menyediakan peralatan tambahan bagi melancarkan proses pdp.

Dalam menambah baik kemudahan ICT dalam aktiviti pdp, KPM melalui BTP telah memperluas konsep Sekolah Bestari ke semua sekolah KPM dengan memanfaatkan semua inisiatif ICT KPM. Konsep sekolah bestari merupakan institusi pembelajaran yang direka semula secara sistemik dari segi amalan pdp dan pengurusan sekolah untuk membantu pelajar menghadapi zaman maklumat.

PIBG sekolah memberikan sumbangan peralatan seperti kipas bagi memberikan keselesaan guru dan pelajar dalam kelas. Selain itu juga PIBG memberikan sumbangan peralatan ICT bagi melancarkan proses pdp berasaskan ICT.

Galakan perkembangan profesional guru

Hasil temu bual mendapati pemimpin sekolah tidak menghalang guru-guru untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang mereka minati. Ini kerana hasil daripada peningkatan profesionalisme dapat memberikan keyakinan yang tinggi untuk guru-guru menjalankan tugas harian mereka. Selain itu peningkatan profesionalisme tersebut dapat disalurkan kepada kemenjadian pelajar.

Terdapat dua jenis peluang untuk guru-guru meningkatkan profesionalisme masing-masing iaitu dengan membuat permohonan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh KPM sama ada melalui PPD, JPN mahupun di peringkat kementerian sendiri. Terdapat banyak peluang melanjutkan pelajaran kepada guru dan pelbagai insentif diberikan. Sebagai contoh guru bukan siswazah diberikan tawaran mengikuti Program Pengijazahan guru dan diberi tajaan dan kemudahan cuti. Terdapat juga insentif lain seperti pemberian biasiswa dan cuti belajar bergaji penuh.

Pemimpin-pemimpin sekolah sentiasa memberikan galakan dan dorongan kepada guru-guru untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, tugas utama mereka tidak boleh diabaikan.

Bagi guru-guru yang menghadiri kursus anjuran PPD, JPN dan KPM, mereka dimestikan mengadakan *in-house training* kepada rakan-rakan dalam panitia agar berlaku perkongsian ilmu sesama mereka. Selain *in-house training*, peningkatan profesionalisme guru berasaskan sekolah (*school-based profesional development*) juga digalakkan dianjurkan.

Bagi menyediakan pendidikan abad ke 21, ramai dalam kalangan guru yang melakukan perkongsian pintar sesama mereka dalam beberapa aspek kritikal. Sebagai contoh, teknik pengajaran terkini, teknik pengajaran berpusatkan sumber, penggunaan ICT dalam pembelajaran dan sebagainya.

Penguatkuasaan dasar akademik pelajar dan pemberian insentif untuk pembelajaran

Penguatkuasaan dasar akademik pelajar adalah berlandaskan garis panduan KPM, JPN dan PPD. Sebagai contoh garis panduan kontrak latihan pelajar diselaraskan agar semua pelajar mendapat manfaat daripada perancangan jenis dan bilangan latihan yang diperlukan dalam sesuatu masa. Terdapat guru yang menggunakan ICT bagi memudahkan urusan memberi dan menyemak latihan pelajar. Kemudahan ICT yang dibekalkan kepada sekolah dimanfaatkan untuk kepentingan pelajar. Sebagai contoh guru menggunakan kemudahan HP Multiseat Server untuk melakukan ujian topikal dan bulanan secara atas talian kepada pelajarnya.

Insentif juga diberikan kepada pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam semua aspek pembelajaran di sekolah, sama ada dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum. Hari Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum dianjurkan bagi meraikan dan memberikan ganjaran kepada pelajar atas pencapaian cemerlang mereka.

CADANGAN

Kajian ini merupakan kajian penerokaan untuk melihat gaya kepimpinan pengetua dalam penyediaan pendidikan abad ke 21 berlandaskan Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985). Dua aspek iaitu pengetahuan dan kefahaman pengetua dalam penyediaan pendidikan abad ke 21 dikaji berdasarkan gaya kepimpinan instruksional mereka dalam menjayakan penyediaan pendidikan abad ke 21.

Hasil dapatan kajian ini agak *superficial* dan maklum balas yang diberikan oleh responden agak terhad. Tiada responden yang memberikan maklum balas tentang rekabentuk sekolah dan bilik darjah untuk menjayakan pendidikan abad ke 21. Selain itu, sangat terhad input yang diberikan oleh mereka berkenaan peralatan-peralatan yang berteknologi yang sedang giat diperkenalkan penggunaannya dalam pdp di sekolah-sekolah di Malaysia.

Dari aspek latihan dan perkembangan profesional guru, responden memberikan maklum balas yang agak umum, tidak dinyatakan jenis latihan yang diperlukan oleh guru-guru sebagai

persediaan mereka menghadapi pendidikan abad ke 21. Sepatutnya latihan yang diperlukan oleh guru termasuklah latihan mengendalikan perkakasan dan peralatan berteknologi, di samping meningkatkan kecekapan menggunakan perisian-perisian yang dibekalkan kepada semua sekolah.

Secara realitinya, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) melalui agensi-agensi swasta yang dilantik dan tenaga bantuan daripada pegawai teknologi KPM telah dan sedang giat melatih guru-guru untuk menggunakan peralatan ICT yang dapat dioptimumkan penggunaannya dalam pendidikan abad ke 21 kelak. Bermula dengan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSMI) pada tahun 2003 sehinggalah yang terbaharu iaitu aplikasi Persekitaran Pembelajaran Maya (Virtual Learning Environment, VLE). Pengenalan semua aplikasi ini adalah sebagai permulaan kepada penyediaan pendidikan abad ke 21 berteraskan penggunaan sumber dan ICT.

Selain itu, responden tidak memberikan maklum balas tentang bagaimana penyelarasan kurikulum di sekolah dapat mempengaruhi pendekatan pengajaran guru ke arah pendidikan abad ke 21. Antara pendekatan pedagogi guru yang boleh diintegrasikan dengan sistem pembelajaran abad ke 21 termasuklah belajar cara belajar, kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran, aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan ICT, pengajaran berasaskan kajian masa depan, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran akses sendiri dan pembelajaran masteri. Ditambah pula dengan pengenalan kepada program i-Think yang kini telah disebar luas kepada guru-guru dan sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Oleh itu, diharapkan agar kajian ini diperkembangkan lagi dan perlulah memberikan fokus bagaimana pemimpin sekolah mengaplikasikan gaya kepimpinan instruksional mereka bagi menyediakan pendidikan abad ke 21 dengan lebih menyeluruh.

RUJUKAN

- Abd Ghani, Aziah dan Tan.(2008). *Kesan pincang laku kepimpinan pengetua terhadap guru*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Anna Kristin Sigurdardottir, Torfi Hjartarson. (2011). School Building for the 21st Century, Some Features of New School Buildings in Iceland. C.E.P.S Journal. Vol. 1. No. 2.
- Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Panduan Pengurusan Kokurikulum, 2007.
- Craig D. Jerald. (2009). Defining a 21st century education. Centre for Public Education
- Creswell, J.W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mix methods approaches(3rd ed.)*.California,USA:Sage Publications. Inc.
- DuFour,D. & DuFour,R. (2012). *The school leader's guide to professional learning communities at work*.Bloomington: Solution Tree Press.
- Fransella F (1995). George Kelly. Sage Publication, London
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas KPM (1971 -2010), 2011.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Pelan Strategik Interim, Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020
- Lee,S.S., Hung, D. (2012). Is there an instructional framework for 21st century learning? *Creative Education*,Vol.3, No.4, 461-470. Doi:10.4236/ce.2012.34071.
- Mohd. Tahir Mustapha. (2006). Peranan penolong kanan ke arah keberkesanan sekolah. *Jurnal Pendidikan PKPSM Negeri Sembilan*.
- Pallant, J. (2005). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS for Windows (Version 12)*. Australia:Allen & Unwin
- Shu Shing-Lee & David Hung. (2012). Is There an Instructional Framework for 21st Century Learning?. National Institute of Education, Nanyang Technological

University, Singapore.

Slaid pembentangan Pusat Sumber Pendidikan dalam Pembestarian, Sektor
Pembestarian Sekolah Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran
Malaysia (17 Julai 2012)

William, R. K. (2009). Knowledge management and organization learning. *Annals of
Information Systems* 4, doi 10.1007/978-1-4419-0011-1_1. Springer Science +
Business Media, LLC.

Laman web:

Defining a 21st Century Education: At a glance at:
<http://www.centerforpubliceducation.org/Learn-About/21st-Century> diakses pada 21 Jun
2013.